



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PERASMIAN KOMPLEKS PERPADUAN PERTAMA DI MALAYSIA

MACHANG, 4 Februari - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah hadir merasmikan **Bangunan Kompleks Perpaduan Jajahan Machang Negeri Kelantan. Kompleks Perpaduan ini mencatat sejarah apabila menjadi kompleks perpaduan pertama di Malaysia.**

YB Datuk Aaron berkata, “Dengan pelbagai kemudahan yang ada pada kompleks ini, ia akan membantu melancarkan pengoperasian, pengurusan dan pentadbiran jabatan serta jentera-jentera di peringkat akar umbi”. “Kompleks Perpaduan kedua akan dibina di Perlis dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2027, ujarnya.

Sehingga kini, **Kementerian mempunyai sebanyak 763 Pusat Rukun Tetangga (PRT) dan 13 Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di seluruh negara. Negeri Kelantan pula mempunyai 4 PRT, 1 PAP dan sebuah Kompleks Perpaduan.**

Selain itu, beliau turut berkongsi mengenai perkhidmatan Pusat Mediasi Komuniti (PKM) yang diselaras oleh KPN dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Pusat ini ditubuhkan untuk **menyediakan platform dan akses bagi komuniti setempat menyelesaikan sebarang konflik atau pertikaian yang berlaku melalui kaedah mediasi.**

Tambah beliau lagi, Pusat Mediasi Komuniti merupakan perkhidmatan pendampingan sosial yang melibatkan kerjasama strategik di antara agensi kerajaan dan komuniti setempat. Tahun lalu, KPN telah berjaya menubuhkan **empat (4) PKM iaitu PKM KRT Tongkang Pechah, Batu Pahat (Johor), PKM Daerah Seberang Perai Selatan (Pulau Pinang), PKM Negeri Sembilan dan PKM Kuala Lumpur.** Pada tahun ini, JPNIN menyasarkan untuk memperluaskan perkhidmatan mediasi melalui **penubuhan tiga (3) pusat iaitu PKM KRT Pekan Pauh (Perlis), PKM Putrajaya dan PKM Daerah Alor Gajah (Melaka).**

Menyentuh mengenai inisiatif Pemerksaan RT Penggerak Komuniti Progresif, YB Datuk Aaron berkata “KPN menyasarkan untuk **mewujudkan sekurang-kurangnya 116 KRT Progresif di seluruh negara** yang mampu menjadi *role model* kepada KRT lain. Usaha pemerksaan KRT progresif ini bertepatan dengan aspirasi Rukun Negara untuk membina masyarakat progresif”.

Terdahulu, dalam rangka kerja lawatannya di Negeri Kelantan, YB Menteri telah mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Haji Daud. Pelbagai perkara dibincangkan semasa pertemuan tersebut terutama kerjasama antara KPN dan Kerajaan Negeri Kelantan.

Beliau seterusnya menyampaikan **sumbangan Kotak Rahmah** kepada **100 orang penerima yang terlibat dengan bencana banjir**. Menurut YB Datuk Aaron, KPN telah memperuntukkan sebanyak **RM135 ribu bagi program Gerak Banjir di seluruh negara** bagi melaksanakan program-program seperti Rukun Tetangga (RT) *Cares*, Dapur Komuniti, aktiviti pembersihan lokasi terjejas banjir, ziarah perpaduan dan gerak kerja yang bersesuaian dengan keperluan semasa komuniti.

Menurut beliau lagi, gerak kerja bantuan banjir digerakkan melalui jentera perpaduan iaitu Skwad Uniti. Sehingga kini, **terdapat 128 skuad uniti telah diwujudkan di seluruh negara** bagi memberikan perkhidmatan bantuan sekiranya berlaku bencana. Sehingga kini, **terdapat 10 Skwad Uniti di Negeri Kelantan**. KPN menyasarkan untuk mewujudkan 1 Skwad Uniti bagi setiap kawasan Parlimen di negeri ini.

Sementara itu, YB Datuk Aaron turut menyeru agar golongan belia melibatkan diri dan menyertai Skwad Uniti. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Yayasan Sukarelawan Siswa akan turut bersama dalam menjayakan misi ini.

Usaha-usaha ini diharapkan dapat merancakkan pembinaan Komuniti Rahmah dengan menerapkan sifat ihsan, peduli, kasih sayang, saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan penerimaan dalam setiap rakyat Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

4 Februari 2024

Kementerian Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman, 7. Yayasan Tun Razak dan 8. Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA).

Dikeluarkan oleh:-Unit Komunikasi Korporat

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569

E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()